



Headline: Macau Scam semakin bermaharajalela
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 15 May 2019

Language: Malay
Section: Forum
Page: 20

Macau Scam semakin bermaharajalela

SAUDARA PENGARANG,

MACAU Scam mutakhir ini begitu bermaharajalela kerana setiap hari ada sahaja mangsa baharu yang kerugian sehingga ratusan ribu ringgit dengan begitu mudah sekali. Modus operasinya seakan sama iaitu dengan cara kaedah mengugut mangsa dengan kesalahan yang direka-reka.

Mereka dengan begitu licik sekali memujuk rayu mangsa kononnya sebagai seorang kekasih di internet atau media sosial sehingga boleh mempengaruhi mangsa. Selepas dihubungi sindiket, mereka meminta mangsa memasukkan sejumlah wang melalui transaksi pemindahan wang ke dalam akaun sindiket atau meminta terus nombor akaun milik mangsa untuk dikeluarkan kesemuanya wang mereka.

Yang menjadi kemusykilan adalah bagaimana ada dalam kalangan mangsa *Macau Scam*

ini terdiri dalam kalangan profesional seperti doktor, jurutera, arkitek malahan pegawai tinggi kerajaan termasuk golongan peguam sendiri pun boleh diperdayakan.

Pada pandangan saya, sindiket ini ada *master mind* di belakangnya kerana apabila dibuat serbuan di tempat-tempat sindiket ini beroperasi, selalunya yang dapat diberkas adalah pekerja-pekerja upahan mereka sahaja tetapi ketua sindiket terlepas begitu sahaja.

Mereka ini diambil bekerja kerana kepakaran di dalam sistem berkomputer dan selalunya adalah terdiri pekerja asing dari luar negara. Kita tidak boleh menafikan juga kaedah penggunaan ilmu hitam seperti ilmu pukau boleh menundukkan pemangsa kerana ada di antara mangsa ini menyedari dirinya diperdaya setelah kesemua simpanan bank dikeluarkan untuk diberi kepada sindiket tersebut.

Bagaimana ia boleh berlaku. Didapati dan dipercayai ada unsur-

unsur penggunaan ilmu pukau digunakan oleh sindiket.

Pada masa sama, kerjasama pihak bank juga perlu diambil perhatian terutama sekali penggunaan kaedah pemindahan wang atau transaksi yang boleh dicurigakan pemiliknya apabila membuat berulang kali transaksi dalam jumlah yang besar terutama sekali pemilik akaun yang bukan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jika ada pemintasan atau *scan* yang boleh diwujudkan, mungkin sekurang-kurangnya dapat mengurangkan jenayah *Macau Scam* ini.

Dicadangkan supaya pasukan atau unit khas pihak berkuasa bagi menjejaki sindiket *Macau Scam* ini sehingga ke lubang cacing dan ambil tindakan segera memberkas mereka kesemuanya.

**SYED ABDULLAH
SYED OSMAN**
Ampangan, Seremban